

EMBARGO! Tidak boleh disiarkan sebelum
pukul 10.30 pagi pada 19.1.78

PEMBUKAAN KILANG NEC (M) SDN. BERHAD

Ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, ketika meresmikan pembukaan Kilang NEC (M) Sdn. Berhad di Telok Panglima Garang, Banting, Selangor pada hari Khamis, 19hb. Januari, 1978, pukul 9.40 pagi, disampaikan oleh Encik Abd. Manan bin Osman, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Terlebih dahulu saya sukalah mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah, Syarikat Nippon Electric Company, Jepun, kerana telah mengundang saya untuk meresmikan pembukaan kilangnya pada hari ini. Bagi diri saya, inilah pertama kalinya saya diberi tugas meresmikan sebuah kilang perusahaan semenjak perlantikan saya sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian, dan saya merasa gembira kerana dapat menjalankan tugas ini di suatu kawasan yang sedang mengalami perubahan pesat akibat terlaksananya beberapa perusahaan seperti NEC di Telok Panglima Garang ini.

Sesungguhnya adalah menjadi kebanggaan kepada kita kerana NEC telah sanggup melaburkan sejumlah \$14 juta di dalam projek ini dan akan ditambah menjadi \$17 juta pada pertengahan tahun ini. Projek ini adalah merupakan projek yang kedua dijalankan oleh NEC di negara ini di mana dalam projek pertamanya NEC telahpun melabur sejumlah \$M800,000 secara usahasama dengan PERNAS. Dengan adanya pelaburan NEC di dalam projek ini jelaslah kepada kita betapa kuatnya kepercayaan sebuah syarikat 'multi national' seperti NEC terhadap Malaysia sebagai tapak mengusahakan pengeluaran komponen-komponen elektroniknya untuk pasaran eksport. Kita juga merasa bangga kerana Malaysia adalah merupakan salah satu pengeluar 'semi conductors' yang terbesar sekali di dunia. Kita merasa yakin akan dapat mengekalkan kedudukannya di dalam bidang ini kerana saya mendapat tahu beberapa buah syarikat yang besar dari Amerika Syarikat telah menunjukkan minat mereka untuk menambahkan pelaburan mereka di negara ini. Dari satu segi yang lain, pula, ianya melambangkan kepercayaan pelabur-pelabur asing, khasnya Jepun, terhadap kestabilan ekonomi dan politik negara kita. Seperti yang kita ketahui dari segi pelaburan asing yang telah mendapat kelulusan Kerajaan, Jepun telah mengatasi lain-lain negara di dalam jumlah pelaburan di dalam kilang-kilang perusahaan di negara ini. Pada akhir tahun 1976 jumlah pelaburan Jepun di dalam projek-projek yang telah diluluskan ialah sebanyak \$434.7 juta.

Apa yang lebih menggalakkan kepada kita ialah syarikat ini telah sanggup untuk menyahut seruan Kerajaan supaya meletakkan kilangnya di kawasan yang dianggap belum berapa maju seperti Telok Panglima Garang. Ini adalah merupakan satu lagi kejayaan yang nyata terhadap dasar Kerajaan untuk menyelerakkan projek-projek perusahaan di kawasan kurang maju di negara ini. Syarikat ini telah memberi sumbangan yang besar ke atas usaha Kerajaan untuk mengurangkan pangangguran di negara ini kerana seramai 500 orang tempatan telah dapat peluang pekerjaan

dengan syarikat ini dan jumlahnya akan bertambah tidak beberapa lama lagi. Saya sukalah mengucapkan syabas kepada syarikat ini kerana telah berusaha kuat untuk mematuhi dasar Kerajaan di dalam bidang pengambilan pekerja nya yang melambangkan komposisi berbilang kaum di negara ini. Saya berharap syarikat ini akan meneruskan usaha-usahanya dalam bidang memberi latihan yang secukupnya kepada pekerja-pekerjanya agar ini akan menjadi satu tauladan yang baik kepada syarikat-syarikat lain.

Dalam pada itu saya suka menyatakan bahawa Kerajaan adalah sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh kilang-kilang perusahaan khususnya kilang-kilang ditempatkan di kawasan-kawasan yang sedang dimajukan seperti Telok Panglima Garang. Saya sedar bahawa ada terdapat kerumitan bagi kilang-kilang perusahaan untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan 'infrastructure' yang mencukupi umpamanya pembekalan kuasa elektrik. Saya sukalah memberi jaminan bahawa Kerajaan sentiasa memberi pertimbangan yang berat terhadap masalah-masalah seperti ini dan akan berusaha bersama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Jabatan-Jabatan yang berkenaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan 'infrastructure' yang mencukupi kerana kami sedar bahawa tanpa 'infrastructure' yang mencukupi adalah sukar bagi Kerajaan untuk menyelerakkan perusahaan-perusahaan di negara ini. Saya sedar baru-baru ini syarikat ini ada mengalami sedikit kesulitan mengenai bekalan elektrik yang mencukupi bagi melancarkan Peringkat II projek ini. Di dalam hubungan ini, saya sukacita mendapat tahu bahawa masalah ini telahpun diatasi dengan kerjasama pihak yang berkenaan. Saya sukacita memberi jaminan bahawa usaha-usaha akan dijalankan agar keperluan syarikat ini dan syarikat-syarikat lain yang ada di kawasan sama di masa-masa hadapan adalah mencukupi.

Saya juga mendapat tahu bahawa terdapat sedikit kegelisahan di kalangan kilang-kilang yang didirikan di kawasan ini kerana kawasan perindustrian ini belum diwartakan sebagai kawasan perdagangan bebas seperti yang dicadangkan. Saya sukalah menjelaskan bahawa perkara ini telahpun dibangkitkan oleh Kementerian saya dengan Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan yang berkenaan dan saya berharap perkara ini akan dapat diselesaikan tidak berapa lama lagi kerana Kementerian saya adalah memandang berat ke atas kesulitan-kesulitan di dalam mendapatkan pengecualian cukai terhadap komponen-komponen dan bahan mentah yang telah dipohonkan oleh syarikat di kawasan ini dan juga lain-lain masalah yang berkaitan.

Akhir kata, saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada NEC (M) Sdn. Bhd. sempena peresmian kilangnya yang serba moden ini dengan harapan ianya akan terus mencapai kejayaan demi kejayaan. Dengan ini, saya dengan sukacitanya meresmikan pembukaan Kilang NEC (M) Sdn. Berhad.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR,
18hb. Januari, 1978 (dikeluarkan pada pukul 5.00 petang)

IM/abs

=====